

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 104

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengembangkan pembinaan LRT dan MRT kepada Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan ***Senarai IIA – Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak*** di dalam ***Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan***, ianya telah menetapkan bahawa perkara-perkara berkaitan Keretapi Negeri Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Maka sebarang perancangan berkaitan pembangunan rangkaian landasan keretapi termasuk LRT dan MRT adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini pihak Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan dan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi pembangunan LRT dan MRT di Kota Kinabalu, Sabah.

Tuan yang Dipertua & Ahli Dewan yang mulia,

3. Sebagaimana yang dimaklumi, pembangunan infrastruktur pengangkutan berasaskan rel akan melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Justeru sebarang pembangunan baru infrastruktur ini perlulah disokong dengan kajian yang menyeluruh agar pembangunan tersebut memberikan pulangan yang optimum dan tidak akan membebankan Kerajaan kelak.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dengan pembangunan pengangkutan awam di Negeri Sabah dan masih terbuka bagi menerima apa-apa cadangan daripada pihak swasta (melalui Kerajaan Negeri Sabah) sekiranya terdapat pihak yang berminat untuk mencadangkan pembinaan perkhidmatan LRT atau MRT ke Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Kerajaan Persekutuan juga bersedia untuk menilai dan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan yang bersesuaian dari segi model pembiayaan (*Financial Model*) dan model perniagaan (*Business Model*) sama ada secara Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) atau Kerjasama Awam-Swasta (PPP). Dengan cara ini Kerajaan percaya ianya akan mampu mengurangkan bebanan kewangan sedia ada kepada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.